

**TEKS UCAPAN**

**OLEH**

**YANG BERBAHAGIA DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**SEMPENA**

**KONVENSYEN KESELAMATAN PERLINDUNGAN  
PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI**

**TAHUN 2012  
22 November 2012**

Bismillahirrahmanirrahim  
Yang Berusaha Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Gani Patail  
Pegum Negara

Yang Berbahagia Ketua-ketua Setiausaha, Kementerian, & Ketua-  
Ketua Jabatan,

Yang Berhormat Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri

Yang Berbahagia Datuk Othman Mahmood  
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Dato' Johari Jamaluddin  
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Pegawai-Pegawai Keselamatan Jabatan

Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Persekutuan dan Negeri

Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan  
hadirin sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan  
Salam 1 Malaysia

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan  
limpah kurniaNya dapat kita berkumpul di dalam dewan ini bagi Majlis  
Perasmian Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat  
Kebangsaan Tahun 2012. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan  
jutaan terima kasih kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan  
Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri kerana menjemput saya  
bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Konvensyen ini yang

bertemakan **“Mentransformasikan Keselamatan Perlindungan Seiring Transformasi Perkhidmatan Awam”**.

2. Konvensyen Keselamatan Perlindungan ini merupakan acara tahunan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, yang akan memberi peluang dan ruang kepada penjawat awam untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman yang terkini berhubung isu-isu keselamatan perlindungan semasa. Selain itu, ia juga membolehkan kita bertukar pandangan dan percambahan fikiran untuk menjana idea-idea baru yang lebih kreatif dan inovatif bagi mempertingkatkan tahap keselamatan di semua Kementerian, Jabatan atau Agensi Kerajaan bagi menjamin Kerahsiaan dan aset Kerajaan supaya senantiasa berada di dalam keadaan selamat dan terkawal. Keselamatan Perlindungan memerlukan rangkaian sistem dan jalinan kerjasama yang baik, dan juga penjawat awam yang sentiasa komited dan peka dalam memberikan keutamaan untuk mengekalkan tahap keselamatan yang tinggi di setiap agensi kerajaan. Sehubungan dengan itu, saya berharap agar insiden seperti pencerobohan di Kompleks ‘B’, Jabatan Perdana Menteri pada bulan Julai yang lalu sehingga menyebabkan kematian tidak berulang lagi.

3. Komitmen semua peringkat penjawat awam terhadap keselamatan perlindungan adalah amat penting. Kesedaran dan pemahaman terhadap kepentingan keselamatan perlindungan pastinya dapat membantu untuk diaplikasikan dan dijadikan satu amalan dalam menjalankan tugas-tugas seharian. **Transformasi perlu dilakukan bagi memastikan semua aspek Keselamatan dijaga dan dijadikan amalan harian, demi menjamin kerahsiaan dan aset kerajaan terpelihara.** Pematuhan secara menyeluruh dan komprehensif tentunya akan dapat memberi impak positif terhadap keselamatan, imej pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kerajaan serta meningkatkan tahap keyakinan dan kepercayaan rakyat, bertepatan dengan Gagasan 1Malaysia : “Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan.”

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian.

4. Keselamatan perlindungan bukannya sekadar mencakupi tindakan-tindakan terhadap kawalan dan perlindungan daripada kegiatan espionaj, subversif, sabotaj, kumpulan pelampau, *cyber terrorism*, kelemahan-kelemahan manusia atau lain-lain yang direncana bagi memudaratkan atau menjejaskan keselamatan, pertahanan, ekonomi mahupun fungsi pentadbiran Kerajaan sahaja. Tetapi ianya juga merupakan usaha yang tersusun meliputi aspek perlindungan peribadi, dokumen, informasi, fizikal dan persekitaran yang perlu difahami dan dihayati. Elemen-elemen ini perlu dilaksanakan dan dikuatkuasakan oleh semua penjawat awam dalam mengukuhkan sistem keselamatan perlindungan dan pertahanan negara. Isu keselamatan perlindungan teknologi maklumat juga berkait rapat dengan sistem keselamatan perlindungan fizikal, dokumen, informasi, peribadi dan persekitaran yang diamalkan selama ini. Ia memerlukan kita agar lebih teliti dan berwaspada semasa menguruskannya. Tanpa kawalan yang sempurna, informasi atau data yang dikendalikan boleh dipinda dan menjadikannya kurang tepat. Semuanya ini akan mendatangkan implikasi buruk dan mengundang malapetaka terhadap keselamatan, pertahanan, ekonomi, perjalanan fungsi-fungsi kerajaan dan imej negara.

5. Justeru itu, saya menyeru semua penjawat awam khususnya Pegawai Keselamatan Kerajaan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, serta Pegawai – Pegawai Keselamatan Jabatan di semua Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri, agar lebih peka dan prihatin serta mempunyai keyakinan yang tinggi bagi melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan. Ini merupakan teras utama dalam usaha membudayakan keselamatan perlindungan di semua peringkat.

6. Untuk tujuan ini, bagi memantapkan lagi pengurusan Keselamatan Perlindungan di semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri, Kerajaan telah memperkenalkan Anugerah Pengurusan Keselamatan Perlindungan Tahun 2012. Anugerah ini diberikan kepada mana-mana Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan yang mengamalkan pengurusan Keselamatan Perlindungan mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Bermula tahun hadapan pula, Kerajaan turut berhasrat memperkenalkan satu anugerah khas tahunan yang akan diberikan kepada mana-mana Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan yang mengamalkan Pengurusan Keselamatan Perlindungan yang terbaik sepanjang tahun berkenaan. Penilaian akan dilakukan melalui Inspektorat atau Naziran

keselamatan khas yang akan dilaksanakan. Usaha ini diharap dapat meningkatkan usaha dan komitmen Ketua Jabatan dan Pegawai Keselamatan Jabatan untuk secara konsisten mengamalkan, melaksanakan dan menguatkuasakan Keselamatan Perlindungan pada tahap terbaik sehingga dapat dihayati dan dibudayakan.

7. Kita semua perlu sedar bahawa sebarang undang-undang, peraturan, arahan atau prosedur yang berkuat kuasa mestilah dipatuhi. Jika tidak, banyak pihak akan mengambil kesempatan yang boleh mengancam keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat meliputi kegiatan memalsukan dokumen, membocorkan maklumat serta menyebarkan maklumat sulit dan sensitif kepada pihak lain. Perkara seumpama ini jika tidak diberi perhatian dan tindakan pengawalan di peringkat permulaan akan berkesudahan dengan pendedahan kepada pihak lain. Perbuatan membocorkan rahsia kerajaan tidak boleh dikompromi sama sekali. Justeru itu saya ingin menegaskan dan mengingatkan kepada semua Ketua Jabatan dan Pegawai Keselamatan Jabatan supaya lebih tegas dalam memberikan teguran atau amaran, dan mengambil tindakan tegas ke atas sebarang pelanggaran keselamatan termasuklah ketidakpatuhan, kecuaiian, kelalaian penjawat awam sehingga menyebabkan berlakunya kebocoran rahsia rasmi kerajaan di agensi masing-masing.

8. Saya tegaskan sekali lagi bahawa pihak Kerajaan tidak sesekali akan berkompromi terhadap penjawat awam yang didapati membocorkan Rahsia-Rahsia Kerajaan, dan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam 1993 ataupun tindakan pendakwaan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) hendaklah diambil.

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian.

9. Kepentingan kawalan ke atas rahsia rasmi dan aset kerajaan perlu sentiasa diberi keutamaan yang tinggi. Ini kerana ia merupakan sesuatu yang tidak ternilai. Sehubungan dengan itu, tema Konvensyen pada tahun ini iaitu “**Mentransformasikan Keselamatan Perlindungan**

**Seiring Transformasi Perkhidmatan Awam”** adalah amat bertepatan dan juga seiring dengan Dasar Transformasi Negara. Ia penting bagi mempertingkatkan lagi keyakinan rakyat terhadap urusan kerajaan dalam menjamin kelancaran, keselamatan serta keberkesanannya.

10. Bagi memastikan pemantapan sistem keselamatan perlindungan, sebagai penjawat awam kita tidak lagi boleh bekerja secara silo sebaliknya perlu mengamalkan kerja berpasukan serta mengguna pendekatan *Blue Ocean Strategy*. Dalam hal keselamatan perlindungan, usaha ini juga tidak terkecuali. Justeru itu, saya menyarankan agar jalinan kerjasama secara *synergy* seharusnya diperkukuhkan supaya matlamat kebocoran rahsia kerajaan dan pelanggaran keselamatan sifar dapat direalisasikan. Ini juga sejajar dengan hasrat Y.A.B. Perdana Menteri yang menyatakan bahawa penjawat awam perlu sentiasa mengambil sikap Cepat, Tepat dan Integriti (CTI) sebagai panduan dalam melaksanakan tugas harian. Sikap ini kemudiannya perlu disokong dengan PCI - 'Productivity, Creativity and Inovation', supaya Perkhidmatan Awam tidak dilihat bagai sentiasa cepat berpuas hati dengan pencapaian serta urusan harian, atau selesa dengan "business as usual".

11. Dalam mentransformasikan keselamatan perlindungan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia diharap dapat menyediakan Dasar Keselamatan Perlindungan yang baharu bagi menggantikan atau mengemaskinikan dasar, peraturan, arahan, garis panduan dan prosedur yang sedia ada. Ini perlu supaya dasar, peraturan, arahan, garis panduan dan prosedur menepati ***sets of universal mandatory standard***. Selain itu juga, ianya akan memberi panduan komprehensif terhadap pengurusan risiko, mendefinisikan keperluan kepatuhan dan sebagai jaminan keselamatan. Selain dari itu, pembangunan modal insan melalui program kesedaran dan pendidikan keselamatan hendaklah terus dicerna supaya integriti dalam memelihara amanah, komitmen menjalankan kewajipan menjadi tunjang perkhidmatan penjawat awam.

12. Sistem pengurusan Keselamatan Perlindungan yang cemerlang perlu diuruskan oleh penjawat awam melalui tadbir urus yang rapi mengikut amalan terbaik, yang mempunyai nilai tambah dan nilai tinggi, tanpa berkompromi dan mengambil tindakan pembetulan serta membuat penambahbaikan yang berterusan. Saya yakin melalui platform ini, kita semua dapat menggunakan sepenuhnya kesempatan yang ada untuk bersama-sama melaksanakan tanggungjawab masing-masing, mendukung dan melaksanakan transformasi terhadap

pengurusan keselamatan perlindungan di Kementerian, Jabatan dan Agensi masing-masing.

13. Di kesempatan ini juga, saya ingin menyeru agar Pegawai Keselamatan Jabatan dan semua peringkat penjawat awam mengikuti kursus-kursus dan latihan Keselamatan Perlindungan yang dijalankan di Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan di Bandar Enstek, Negeri Sembilan dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai tanggungjawab yang perlu dipikul.

14. Saya juga ingin menyarankan kepada Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan selaku Ketua Jabatan, Pegawai Keselamatan Jabatan dan Pegawai Keselamatan Kerajaan termasuk di peringkat Negeri agar bersama-sama **turun padang** dan melaksanakan amalan **Penilaian Risiko** yang baik bagi menilai sendiri keperluan keselamatan perlindungan yang terdapat di Kementerian dan Jabatan dan Agensi masing-masing.

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian.

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri selaku penganjur, kepada pembentang-pembentang kertas kerja, moderator dan para peserta sekalian serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Majlis Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan Tahun 2012 ini. Saya yakin dan percaya bahawa Konvensyen ini akan dapat mencapai objektif yang ditetapkan.

16. Sekalung tahniah juga, saya ucapkan kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi yang tersenarai sebagai penerima Anugerah Pengurusan Keselamatan Perlindungan Tahun 2012 kerana telah menepati piawaian keselamatan perlindungan yang baik seperti mana yang telah ditetapkan. Semoga prestasi ini dapat terus dikekalkan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

17. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan sukacitanya, merasmikan Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 2012.

Sekian, terima kasih.